



MAJLIS PERBANDARAN KUALA SELANGOR

JALAN MAJLIS 45000 KUALA SELANGOR, SELANGOR DARUL EHSAN.

TEL: 03-3289 1439/1549/2340 FAX: 03-3289 1101/ 3386

Website : <http://www.mdks.gov.my>

IKLAN JAWATAN KOSONG

Pemohonan adalah dipelawa daripada **Warga Daerah Kuala Selangor / Selangor** serta berumur tidak kurang dari 18 tahun pada tarikh tutup iklan untuk mengisi jawatan kosong di Majlis Perbandaran Kuala Selangor (MPKS). **Keutamaan akan diberi kepada anak kelahiran Negeri Selangor.**

1. JURUTEKNIK KOMPUTER, GRED FT1

- | | | |
|--------------------------|---|-----------------------------------|
| a) KLASIFIKASI | : | SISTEM MAKLUMAT |
| b) KUMPULAN PERKHIDMATAN | : | PELAKSANA |
| c) TARAF JAWATAN | : | KONTRAK |
| d) NO. FAIL | : | BIL(34)DLM.MPKS 500.2/1/3/5 JLD 2 |

JADUAL GAJI GRED FT1	:	Minimum – RM 1,500.00
		Maksimum – RM 4,680.00

- | | | |
|-------------------------------|---|-----------|
| i. Imbuhan Tetap Khidmat Awam | : | RM 115.00 |
| ii. Imbuhan Tetap Perumahan | : | RM 300.00 |
| iii. Bantuan Sara Hidup | : | RM 300.00 |
| iv. Kenaikan Gaji Tahunan | : | RM 100.00 |

SYARAT LANTIKAN :

1. Calon-calun bagi lantikan hendaklah memiliki kelayakan seperti berikut :
 - (a) (i) Pemohon Lahir di Negeri Selangor; atau
 - (ii) Pemohon tidak lahir di Negeri Selangor tetapi telah menetap di Negeri Selangor melebihi 15 tahun; atau
 - (iii) Ibu atau bapa pemohon lahir di Negeri Selangor; dan
 - (iv) Pembuktian bagi mana-mana syarat di para (i), (ii) atau (iii) hendaklah dikemukakan melalui dokumen-dokumen yang sah di sisi undang-undang dan beban pembuktian terletak sepenuhnya kepada tanggungjawab pemohon sendiri

(Nota: Merujuk MMKN Ke 38 Tahun 2015 pada 30/12/2015)

- (b) Berumur tidak kurang dari 18 tahun pada tarikh tutup iklan;
- (c) (i) Sijil Vokasional Malaysia dalam bidang berkaitan yang diiktiraf oleh Kerajaan; **ATAU**
(Gaji permulaan ialah pada Gred FT19: RM1,500.00)
- (ii) Sijil Pelajaran Malaysia atau kelayakan yang diiktiraf setaraf dengannya oleh Kerajaan serta Sijil Kemahiran Malaysia Tahap 2 dalam bidang berkaitan atau kelayakan yang diiktiraf setaraf dengannya; **ATAU**
(Gaji permulaan ialah pada Gred FT19: RM1,561.00)
- (iii) Sijil Pelajaran Malaysia atau kelayakan yang diiktiraf setaraf dengannya oleh Kerajaan serta Sijil Kemahiran Malaysia Tahap 3 dalam bidang berkaitan atau kelayakan yang diiktiraf setaraf dengannya.
(Gaji permulaan ialah pada Gred FT19: RM1,622.00)
- (d) Had umur lantikan tidak lebih daripada 54 tahun pada tarikh lantikan.

SYARAT KELAYAKAN BAHASA MELAYU :

1. Calon bagi lantikan hendaklah memiliki Kepujian (sekurang-kurangnya Gred C) dalam subjek Bahasa Melayu pada peringkat Sijil Pelajaran Malaysia/Sijil Vokasional Malaysia atau kelulusan yang diiktiraf setaraf dengannya oleh Kerajaan.

2. PEMBANTU KHIDMAT AM GRED H1

a) KLASIFIKASI	:	KEMAHIRAN
b) KUMPULAN PERKHIDMATAN	:	PELAKSANA
c) TARAF JAWATAN	:	TETAP/KONTRAK
d) NO. FAIL	:	BIL(34)DLM.MPKS 500.2/1/3/5 JLD 2

JADUAL GAJI GRED H1	:	Minimum – RM 1,500.00 Maksimum – RM 4,680.00
---------------------	---	---

i. Imbuhan Tetap Khidmat Awam	:	RM 115.00
ii. Imbuhan Tetap Perumahan	:	RM 300.00
iii. Bantuan Sara Hidup	:	RM 300.00
iv. Kenaikan Gaji Tahunan	:	RM 100.00

SYARAT LANTIKAN :

1. Calon-calun bagi lantikan hendaklah memiliki kelayakan seperti berikut :
 - (a) (i) Pemohon Lahir di Negeri Selangor; atau
(ii) Pemohon tidak lahir di Negeri Selangor tetapi telah menetap di Negeri Selangor melebihi 15 tahun; atau
(iii) Ibu atau bapa pemohon lahir di Negeri Selangor; dan
(iv) Pembuktian bagi mana-mana syarat di para (i), (ii) atau (iii) hendaklah dikemukakan melalui dokumen-dokumen yang sah di sisi undang-undang dan beban pembuktian terletak sepenuhnya kepada tanggungjawab pemohon sendiri
(Nota: Merujuk MMKN Ke 38 Tahun 2015 pada 30/12/2015)
 - (b) Berumur tidak kurang dari 18 tahun pada tarikh tutup iklan;
 - (c) (i) Sijil Pelajaran Malaysia atau kelayakan yang diiktiraf setaraf dengannya oleh Kerajaan.
(Gaji permulaan ialah pada Gred H1:RM1,500.00); **ATAU**
(ii) Sijil Vokasional Malaysia dalam bidang berkaitan yang diiktiraf oleh Kerajaan.
(Gaji permulaan ialah pada Gred H1: RM1,500.00); **ATAU**
(iii) Sijil Pelajaran Malaysia atau kelayakan yang diiktiraf setaraf dengannya oleh Kerajaan dan Sijil Kemahiran Malaysia Tahap 2 dalam bidang berkaitan atau kelayakan yang diiktiraf setaraf dengannya.
(Gaji permulaan ialah pada Gred H1: RM1,561.00); **ATAU**

- (iv) Sijil Pelajaran Malaysia atau kelayakan yang diiktiraf setaraf dengannya oleh Kerajaan dan Sijil Kemahiran Malaysia Tahap 3 dalam bidang berkaitan atau kelayakan yang diiktiraf setaraf dengannya.
(Gaji permulaan ialah pada Gred H1: RM1,622.00)
- (d) Had umur lantikan tidak lebih daripada 54 tahun pada tarikh lantikan.
- (e) Syarat Lantikan Bagi Keperluan Khas (Pemanduan/ Pengendalian Kren/Pengendalian Dandang/Tugasan Menyelamat)
 - (i) Memiliki lesen memandu Kelas B2/B/D/E/H yang dikeluarkan oleh Jabatan Pengangkutan Jalan dan berkebolehan memandu, mengendalikan dan menyenggara kenderaan berat; atau
 - (ii) Bagi tugas pengendalian kren, calon perlu memiliki Sijil Pendaftaran Orang Kompeten yang berkaitan daripada Jabatan Keselamatan dan Kesihatan Pekerjaan; atau
 - (iii) Bagi tugas memandu enjin sangkut/motobot, calon perlu memiliki perakuan kekompetenan berkaitan daripada Jabatan Laut Malaysia; atau
 - (iv) Bagi tugas pengendalian dandang, calon perlu memiliki sekurang-kurangnya Perakuan Kebolehan Drebar Enjin (Enjin Pembakaran Dalam) Gred 2 atau Perakuan Kebolehan Drebar Enjin (Dandang Stim/Enjin Stim) Gred 2 mengikut mana yang berkenaan yang dikeluarkan oleh Jabatan Keselamatan dan Kesihatan Pekerjaan serta berkebolehan mengendalikan loji pembakaran dalam 40-100 kuasa kuda atau loji stim/dandang yang luas permukaan pembakarannya di bawah 100 kaki persegi mana yang berkenaan; atau
 - (v) Bagi tugas menyelamat, calon perlu memiliki Sijil Pertolongan Cemas dan berkebolehan berenang.

SYARAT KELAYAKAN BAHASA MELAYU :

1. Calon bagi lantikan hendaklah memiliki Kepujian (sekurang-kurangnya Gred C) dalam subjek Bahasa Melayu pada peringkat Sijil Pelajaran Malaysia/Sijil Vokasional Malaysia atau kelulusan yang diiktiraf setaraf dengannya oleh Kerajaan.